



KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	25/9/2019	MUKA SURAT	:	34
JABATAN	:	JPSM			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			

Pemandu lori didenda pindah kayu secara haram

FOTO: JABATAN PERHUTANAN

SUNGAIPETANI - Seorang pemandu lori didenda RM10,000 atau 10 bulan penjara oleh Mahkamah Sesyen di sini semalam atas kesalahan memindahkan sebanyak 31 tual kayu secara haram bulan lalu.

Tertuduh, Mohd Nazri Mohd Amin, 22, mengaku bersalah terhadap kesalahan yang dilakukan pada 7 Ogos lalu di Jalan Raya Kampung Bandar Hilir Sik Kedah.

Mengikut pertuduhan tertuduh didakwa melakukan pemindahan ke atas 13 spesis Ludai, 10 spesies medang, dua spesies kelat, dua spesies keranji, tiga spesies mempening dan satu spesies kembang semangkok.

Kesemua kayu tersebut dikenal pasti sepanjang 4.4 meter dan mempunyai diameter antara 21 hingga 45 sentimeter.

Pendakwa dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Mason Jaro Le-



Mohd Nazri didenda RM10,000 di Mahkamah Sesyen Alor Setar semalam.

nya Baravan di hadapan Hakim N Priscilla Hemamalini.

Priscilla memerintahkan Mohd Nazri didenda RM10,000 atau dikenakan hukuman penjara selama 10 bulan jika



Lori yang dikesan membawa keluar kayu balak dari Sik, Kedah.

gagal sementara 31 tual kayu balak dilucutkan hak pada Jabatan Perhutanan Negeri Kedah manakala lori yang digunakan tertuduh dilepaskan semula kepada pemilik asal.